

23/09/2002

Ketokohan Sultan Ahmad Shah tiada tandingan

Raja Ahmad Zainuddin

TAHNIAH dan rasa syukur kita di atas kejayaan pembedahan kembar siam Malaysia di Arab Saudi baru-baru ini dan di sebalik kejayaan itu kita juga menumpang rasa bangga di atas keprihatinan kalangan pemimpin dan bintang bola sepak antarabangsa. Baginda Sultan Pahang mendahului senarai mereka yang telah menghulurkan sumbangan derma.

Dalam hubungan ini, Sultan Ahmad Shah bukan saja mendahului senarai penderma, tetapi juga secara tidak langsung telah menarik perhatian Putera Mahkota Abdullah bin Abdul Aziz bagi membiayai semua kos pembedahan Muhammad dan Ahmad Rosli yang menelan belanja sekitar RM 1.69 juta di Hospital Raja Fahad di Riyadh. Sultan Ahmad yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah menghulur derma RM60,000.

Saya percaya kerana ketokohan baginda yang amat dikenali di serata dunia, terutama dalam kancah bola sepak, juga telah mendorong bintang Manchester United David Beckham untuk menderma kepada tabung perubatan kembar itu. Sumbangan kapten pasukan England itu sekurang-kurangnya terbalas juga segala sokongan peminat fanatik MU yang tidak kurang ramainya di Malaysia.

Sikap pemurah Beckham yang pernah beraksi di Kuala Lumpur bersama kelabnya tahun lalu sekurang-kurang terubat juga rasa marah penyokong Selangor yang terkilan dengan tingkah laku kurang sopan penyerang Tony Cotte dari England selepas meninggalkan pasukan mereka sedikit masa dahulu. Rasa terima kasih juga diucapkan kepada Michael Owen, penyerang sensasi Liverpool yang juga tidak ketinggalan menyumbang kepada tabung itu selain ahli komedi veteran Sir Norman Wisdom dan penyanyi pop Boy George.

Kami dalam FAM sebenarnya amat kagum dengan kepimpinan Sultan Ahmad Shah yang bukan saja amat prihatin dengan perkembangan bola sepak tanah air tetapi juga seorang yang bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat jelata. Di Pahang, baginda amat dikenali kerana suka turun ke padang bagi melihat dengan mata sendiri jika berlaku bencana alam atau banjir.

Selanjutnya kerana ketokohan baginda jugalah bola sepak di Asia terus berkembang hinggalah benua Asia buat pertama kalinya dalam sejarah berjaya diberikan kepercayaan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) bagi menganjurkan Piala Dunia di Korea Selatan dan Jepun.

Pasukan Korea Selatan sudah tentu berterima kasih kepada baginda kerana jika bukan kerana tangan baginda, tidak mungkin pasukan itu akan disanjung hingga ke saat ini kerana berjaya ke peringkat separuh akhir. Bukan mudah untuk menyakinkan Fifa jika tidak kerana kebijaksanaan baginda lebih-lebih lagi ketika Korea dan Jepun adalah musuh ketat bagaikan kucing dengan anjing yang terpaksa berkongsi menjadi tuan rumah bersama.

Begitupun, di tangan baginda, kedua-duanya terpaksa akur dan akhirnya kejohanan Piala Dunia berjalan lancar dan dipuji yang terbaik, terutama ketika benua Asia turut diselubungi perasaan takut ekor an serangan Amerika ke atas Afghanistan.

Fifa sudah pasti akan merekodkan kecemerlangan benua Asia ini kerana menjadi benua pertama berjaya menganjurkan kejohanan secara bersama dua buah negara berbanding tuan rumah sebelum ini. Pada kejohanan Piala Dunia 2006 tuan rumah hanyalah Jerman.

Begitupun, tangan yang membawa tuah dan sentiasa disegani oleh kepimpinan Fifa akan hanya tinggal seribu kenangan kerana baginda kini

tidak lagi menjadi Presiden Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC). Penggunduran baginda cukup menyedihkan. Apakah sebabnya? Tiada siapa yang tahu, kecuali baginda sendiri. Kalau dilihat dari sudut kepimpinan dan ketokohnya, saya berani mengatakan bahawa khidmat baginda masih lagi diperlukan. Tetapi segala-galanya sudah terlambat. Baginda sendiri telah pun membuat keputusan.

Ternyata, jika selama ini AFC diterajui oleh rakyat Malaysia, selama 44 tahun sejak 1958 bermula dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, perdana menteri yang pertama tetapi kini ia berpindah tangan kepada orang lain yang sudah pasti bukan rakyat tempatan.

Sebelum ini kita berbangga kerana AFC diterajui oleh Tunku Abdul Rahman iaitu tokoh Malaysia pertama di pilih dalam kongres di Tokyo sewaktu berlangsungnya Sukan Asia. Almarhum menggantikan N C Chan dari Hong Kong. Sebelum itu, tiga lagi bekas presiden ialah Sir Man Kam Loh yang memegang jawatan selama enam bulan dan digantikan oleh Kwok Chan selama dua tahun dan kemudian S T Louey selama satu tahun yang semuanya adalah juga dari Hong Kong.

Pada tahun 1965, ibu pejabat AFC berpindah ke Pulau Pinang yang ketika itu setiausaha agungnya ialah Koe Eve Teik dan kemudian ke Ipoh setelah digantikan oleh Datuk Teoh Chye Hin. Begitupun, pergolakan berlaku sekitar tahun 1977-1978, Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan dan dipangku sementara oleh Kambiz Atabi dari Iran sehingga kongres yang diadakan memilih Tan Sri Hamzah Abu Samah, bekas menteri kabinet.

Pada pemilihan di kongres 1994, Sultan Ahmad Shah dipilih sebulat suara selaku presiden yang kelapan sehinggalah diganti oleh Mohamed bin Hammam dari Qatar. Tetapi apakah ibu pejabat AFC yang tersergam indah yang dibina hasil titik peluh baginda Sultan Pahang akan kekal atau berpindah ke tempat lain? Selepas ini cuma Peter Vellapan saja yang boleh memberi jawapan. Yang pasti dia masih kekal selaku setiausaha agung yang dilantik sejak tahun 1978, kira-kira 24 tahun yang dikira paling lama.

Rasa terkilan kita di atas pengunduran Sultan Ahmad Shah bagaimanapun sedikit terubat kerana pemilihan Tunku Mahkota Pahang iaitu Timbalan Presiden FAM selaku salah seorang naib presiden AFC di kongres yang diadakan baru-baru ini bagi meneruskan warisan kita dalam tampuk pentadbiran AFC yang semakin membesar dengan 44 anggota gabungannya, termasuk negara Bhutan sebagai keluarga baru.

Jika tidak kerana kepimpinan baginda sudah tentu Malaysia tidak akan menjadi tuan rumah kejohanan remaja dunia iaitu pertandingan kedua terbesar dalam kalendar Fifa pada 1997 yang sekaligus melahirkan ramai bintang ternama hari ini.

Malaysia terus dikenali kerana bola sepak termasuk pasukan Brazil yang datang buat pertama kalinya menjelang Piala Dunia yang lalu. Begitu juga pasukan remaja Argentina ketika muncul juara di Kuala Lumpur pada 1997, selain beberapa kelab ternama termasuk Arsenal dari Liga Perdana Inggeris yang pernah beraksi dengan pasukan kebangsaan. Pasukan Iran dan Jepun juga pernah bermain di Malaysia ketika menentukan peringkat kelayakan Piala Dunia 1998. Semuanya ini juga telah mengharumkan nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa termasuk liga profesional yang sedang berlangsung.

Pembabitan kita dalam era profesional juga telah mendorong banyak penaja terutama Dunhill yang telah membawa banyak siaran langsung bagi tatapan peminat tempatan. Kerana isu siaran langsung ini juga kita hampir-hampir tidak dapat menyaksikan Sukan Asia di Busan bulan depan, jika tidak campur tangan kabinet. Terima kasih Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut peka dengan perkembangan sukan tanah air.